

## MAKLUMAT PANDUAN DAN CARA BUAT PETA LAKAR

Definisi Peta secara ringkasnya adalah suatu gambaran atau lukisan yang menunjukkan sesuatu kawasan di permukaan bumi yang memaparkan maklumat taburan ciri Geografi iaitu Ciri Fizikal dan Ciri Budaya sebagaimana dilihat dari udara.

### Ciri-Ciri Asas Peta Lengkap

Untuk menghasilkan sebuah peta yang lengkap mestilah mempunyai ciri-ciri seperti berikut:

1. Tajuk Peta
2. Bingkai Peta
3. Petunjuk Peta
4. Petunjuk Arah Utara
5. Simbol
6. Ciri-ciri Geografi iaitu Ciri Budaya Dan Ciri Fizikal (maksud ciri budaya dan fizikal, sila rujuk maklumat di bawah)

### Definisi Ciri Fizikal

Ciri semulajadi dan bukan buatan manusia seperti bentuk muka bumi, saliran dan tumbuhan semulajadi

### Definisi Ciri Budaya

Ciri yang terhasil daripada aktiviti manusia atau buatan manusia seperti pertanian, perlombongan, perindustrian, petempatan, kemudahan asas, pengangkutan, perhubungan dan penggunaan tanah.


### Simbol Dalam Peta Lakar

1. Peta lakar digunakan untuk menunjukkan taburan ciri Geografi sesuatu kawasan. Ciri-ciri tersebut perlu dilukis dalam peta dengan menggunakan simbol.
2. Simbol-simbol ini perlu dilukis bagi mewakili objek atau kawasan sebenar yang ada di kawasan kajian
3. Simbol yang digunakan itu membolehkan maklumat yang mahu disampaikan menjadi cepat tepat dan berkesan.


### Ciri-Ciri Geografi : Apakah Pandang Darat Fizikal Dan Pandang Darat Budaya?

**Pandang Darat Fizikal** adalah mewakili ciri-ciri Alam Semulajadi.

Contoh penggunaan simbol adalah seperti lampiran berikut



Bukit



Sungai



Hutan



Paya



Tanda tinggi



Tanda aras




Stesen trigonometri



Kontur

**Pandang Darat Budaya** adalah mewakili ciri-ciri Buatan Manusia seperti Bangunan. Rumah, Masjid, Jalanraya, Jalan Kereta Api. Jambatan, Sekolah, Tanaman yang ditanam seperti Kelapa Sawit. Padi, Getah (pertanian) dan sebagainya.

Contoh penggunaan simbol adalah seperti lampiran berikut



### Singkatan Yang Digunakan Dalam Peta

Singkatan perkataan juga digunakan dalam peta bagi menjelaskan dengan mudah ciri-ciri Fizikal dan Budaya. Contohnya seperti berikut:

Ciri Geografi	Singkatan	Ciri Geografi	Singkatan
Balai Polis	B.P.	Pejabat Daerah	P.D.
Bukit	Bt.	Pejabat Pos	P.P.
Gunung	G.	Perkuburan	Kb.
Hospital	Hosp	Sungai	S.
Kampung	Kg.	Sekolah	Sek
Ladang	Ldg	Tali Air	T.A
Padang	Pdg.	Tanjung	Tg.

### Warna Lazim Digunakan Dalam Peta

Warna juga memainkan peranan bagi menunjukkan ciri Geografi yang terdapat dalam peta dengan lebih tepat. Contoh penggunaan warna adalah seperti berikut


Ciri Geografi	Warna	Ciri Geografi	Warna
Jalan Raya	Merah	Hutan. Tumbuh-tumbuhan	Hijau
Bangunan	Hitam	Sungai, Paya. Tasik, Laut	Biru
Tanah Tinggi	Perang	Kawasan Bandar	Merah jambu dan kelabu

## Langkah-Langkah Melukis Peta Latar

1. Peta Lakar kebiasaannya tidak memerlukan skala. Sekiranya mahu menunjukkan skala peta dibolehkan
2. Pilih simbol, warna dan singkatan yang sesuai bagi menunjukkan ciri-ciri fizikal dan budaya yang terdapat di kawasan yang menjadi pilihan kajian
3. Lukis simbol dan diwarnai dan serta singkatan bagi setiap ciri Geografi yang mahu dimasukkan dalam peta lakar.
4. Lengkapkan peta dengan arah mata angin utara, petunjuk tajuk peta yang sesuai dan bingkai peta

## Contoh Perkara / Ciri Perlu Ada Dalam Peta Lakar

Tajuk PETA KAWASAN KAJIAN BATU TIGA, KUCHING.



## Panduan Melukis Peta Lakar

1. Meninjau dan memerhati kawasan yang dipilih sebagai kajian bagi mengumpul maklumat, buat catatan, kenalpasti jenis-jenis ciri geografi yang terdapat di kawasan kajian merangkumi ciri fizikal dan budaya
2. Lukiskan sebuah peta rangka kawasan kajian berdasarkan maklumat yang telah dikumpulkan
3. Lukis simbol fizikal dan budaya yang telah dikenalpasti terdapat di kawasan kajian mengikut kedudukannya
4. Lengkapkan peta dengan petunjuk peta, arah mata angin, skala peta (jika mahu sertakan) dan tajuk peta yang bersesuaian bagi menunjukkan gambaran ringkas tentang kawasan peta

### Langkah 1: Meninjau dan memerhati kawasan sekolah.

- Sebelum melakarkan peta, murid perlu membuat pemerhatian di kawasan sekitar sekolah, ciri fizikal dan budaya diperhatikan juga. Dengan menggunakan kompas, menentukan arah dan kedudukan sekolah. Kemudian, mula melakarkan peta kawasan tersebut.

### Langkah 2: Lukiskan sebuah peta rangka kawasan

- Murid tidak perlu melukis semua objek yang terdapat di kawasan itu pada peta lakarnya.
- Hanya melukis objek-objek yang penting dan yang ada kaitannya dengan arah dan kedudukan sekolah. Perhatikan peta lakarnya yang berikut ini



### Langkah 3: Pilih simbol dan singkatan yang sesuai

- Mengenal pasti Ciri Fizikal dan Budaya melalui Simbol dalam Peta Lakar.
- Selain simbol yang berbentuk gambar rajah, singkatan digunakan juga untuk mewakili ciri geografi pada peta lakar.

### Langkah 4: Gunakan warna yang sesuai dan lengkapkan peta dengan petunjuk peta, arah mata angin, skala peta dan tajuk



**Get our 100% exam tips (PT3)  
for BM, BI, Mathematics, Science &  
Kemahiran Hidup (Teras)**

**Pre-order now  
via [www.andrewchoo.com.my](http://www.andrewchoo.com.my)**

**Or**

**Join our LIVE Seminar PT3  
at University Malaya on 10 Sept'17 (Sun)\*\***